



**JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA**  
*Forestry Department of Peninsular Malaysia*  
**KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI**  
*Ministry Of Energy and Natural Resources*  
Jalan Sultan Salahuddin  
50660 Kuala Lumpur  
Malaysia

Telefon : 603-26164488  
Faks : 603-26925657  
Laman Web <http://www.forestry.gov.my>

Rujukan Kami: JH/126 Jld. 5 ( 26 )

Tarikh : 3 Mei 2021

**Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri:**

Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan,  
Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu dan  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

**Pengarah-Pengarah Bahagian:**

Perancangan dan Ekonomi Hutan, Pengurusan Hutan, Silvikultur dan  
Pemeliharaan Biologi Hutan, Latihan Perhutanan, Ladang Hutan dan Perlindungan  
Hutan, *Forest Eco-Park* dan Hutan Taman Negeri, Penguatkuasaan Hutan,  
Hal Ehwal Antarabangsa, Perundangan dan Pendakwaan, Kejuruteraan Hutan,  
Teknikal dan Industri Kayu, Pengurusan Maklumat dan Khidmat Pengurusan

**Ketua Unit:**

Integriti Perhutanan dan  
Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA  
BILANGAN 1 TAHUN 2021: SUKATAN PEPERIKSAAN KHAS PENGAWAS  
HUTAN GRED G19/20, G22, G26 ATAU G28 MEMASUKI SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEMELIHARA HUTAN GRED G29 DI JABATAN PERHUTANAN  
SEMENANJUNG MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, bersama-sama ini diedarkan sesalinan Pekeliling  
Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) Bilangan 1 Tahun  
2021 iaitu **Sukatan Peperiksaan Khas Pengawas Hutan Gred G19/20, G22, G26  
Atau G28 Memasuki Skim Perkhidmatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G29  
di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia** untuk rujukan YBhg.  
Datuk/Dato'/tuan/puan selanjutnya.

Rujukan Kami: JH/126 Jld. 5 ( 26 )

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan, pekeliling ini telah menggariskan Sukatan Peperiksaan Khas untuk Pengawas Hutan memasuki skim Perkhidmatan Penolong Pemelihara Hutan di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta.

Segala kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan dialu-alukan.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' MOHD RIDZA BIN AWANG)**  
Ketua Pengarah Perhutanan  
Semenanjung Malaysia

s.k.: YBhg. Dato' KPPSM  
YBhg. Dato' TKP (DP)  
YBrs. Tuan TKP (OT)



**PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA  
BILANGAN 1 TAHUN 2021**

---

**SUKATAN PEPERIKSAAN KHAS PENGAWAS HUTAN GRED G19/20, G22, G26  
ATAU G28 MEMASUKI SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEMELIHARA  
HUTAN GRED G29 DI JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA**

---

**1.0 LATAR BELAKANG**

- 1.1 Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan (PSL) di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah lama dilaksanakan selaras dengan pelaksanaan Sistem Saraan Baru tahun 1992 melibatkan skim perkhidmatan berikut:
- (a) Penolong Pemelihara Hutan Gred G27;
  - (b) Renjer Hutan Gred G17; dan
  - (c) Pengawas Hutan Gred G11.
- 1.2 Namun begitu, peperiksaan tersebut tidak lagi diadakan mulai akhir tahun 2014 setelah terlaksananya Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2014: Pindaan Skim Perkhidmatan Penolong Pemelihara Hutan, Renjer Hutan, Pengawas Hutan, Pembantu Operasi dan Pembantu Awam yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 2013.
- 1.3 Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016: Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di Bawah Sistem Saraan Malaysia, Kerajaan telah memutuskan supaya Gred 17 dan Gred 19 diseragamkan kepada Gred 19 manakala Gred 27 dan Gred 29 diseragamkan kepada Gred 29.
- 1.4 Syarat-syarat lantikan ke skim perkhidmatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G29 adalah seperti berikut:
- (a) Kelayakan masuk bagi Penolong Pemelihara Hutan Gred G29 adalah:
    - i. Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada JPSM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

atau

- ii. Diploma dalam bidang perhutanan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf;

atau

- iii. Peningkatan Secara Lantikan (PSL) dari Skim Perkhidmatan Pengawas Hutan Gred G19/20, G22, G26 atau G28 ke Skim Perkhidmatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G29 dengan Lulus Peperiksaan Khas.

#### 1.5 Syarat Peningkatan Secara Lantikan (PSL) ke Skim Perkhidmatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G29

- (a) Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pengawas Hutan Gred G19/20, G22, G26 atau G28 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk PSL ke jawatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan; dan
- (b) Had umur pelantikan:
  - i. berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## 2.0 SKOP

- 2.1 Pekeliling ini telah menggariskan Sukatan Peperiksaan Khas untuk Pengawas Hutan Gred G19/20, G22, G26 atau G28 Memasuki Skim Perkhidmatan Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan Gred G29 di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Sukatan Peperiksaan Khas ini mengandungi enam (6) bahagian iaitu dua (2) bahagian teori; tiga (3) bahagian amali; dan satu (1) bahagian kertas kerja serta pembentangan.

## 3.0 OBJEKTIF SUKATAN

- 3.1 Untuk mengukur kompetensi dan kesesuaian seseorang pegawai dari segi potensinya untuk menjawat dalam Skim Perkhidmatan Renjer Hutan/Penolong Pemelihara Hutan Gred G29 dan menguji kemahiran seseorang pegawai berdasarkan kepada pengalaman dalam tugas harian.

#### **4.0 SUKATAN PEPERIKSAAN KHAS**

4.1 Sukatan Peperiksaan Khas untuk Pengawas Hutan Gred G19/20, G22, G26 atau G28 Memasuki Skim Perkhidmatan Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan Gred G29 di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia adalah seperti di **Lampiran 1**.

#### **5.0 KESIMPULAN**

5.1 Sukatan Peperiksaan Khas untuk Pengawas Hutan Gred G19/20, G22, G26 atau G28 Memasuki Skim Perkhidmatan Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan Gred G29 di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang diluluskan pada 18 Ogos 2020 oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian akan dapat meningkatkan lagi tahap kompetensi dan potensi pegawai yang akan menjawat jawatan dalam Skim Perkhidmatan Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan Gred G29 dalam melaksanakan tugas di pejabat dan lapangan dengan lebih kompeten dan efisien.

#### **6.0 TARIKH KUATKUASA**

6.1 Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta dan terpakai di semua negeri di Semenanjung Malaysia.

#### **7.0 PEMBATALAN**

7.1 Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, Sukatan Peperiksaan Khas Untuk Memasuki Skim Perkhidmatan Renjer Hutan Gred G17 di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bertarikh 6 Mac 2007 adalah dibatalkan.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATO' MOHD RIDZA BIN AWANG)**

Ketua Pengarah Perhutanan  
Semenanjung Malaysia

Tarikh : **3** Mei 2021

**SUKATAN PEPERIKSAAN KHAS PENGAWAS HUTAN GRED G19/20, G22, G26  
ATAU G28 MEMASUKI SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEMELIHARA  
HUTAN GRED G29 DI JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA**

TAJUK		SUKATAN BAHARU	
1.	Tarikh Sukatan Peperiksaan berkuat kuasa	:	18 Ogos 2020
2.	Punca Kuasa Mengadakan Peperiksaan Khas	:	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2014: Pindaan Skim Perkhidmatan Penolong Pemeliharaan Hutan, Renjer Hutan, Pengawas Hutan, Pembantu Operasi dan Pembantu Awam berkuat kuasa pada 1 Julai 2013 dan pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016; Rasionalisasi Skim Perkhidmatan bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan.
3.	Peningkatan Secara Lantikan	:	<p>Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pengawas Hutan Gred G19/20, G22, G26 atau G28 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pemeliharaan Hutan Gred G29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan mempunyai kelayakan seperti berikut:</p> <p>1) Kelayakan akademik :</p> <p>a) Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;</p> <p>atau</p> <p>b) Diploma dalam bidang perhutanan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;</p> <p>atau</p> <p>c) Lulus Peperiksaan Khas; dan</p> <p>(i) berumur kurang daripada 54 tahun</p>

			<p>pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau</p> <p>(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau</p> <p>(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.</p>
4.	Matlamat Sukatan	:	<p>1) Untuk mengukur kesesuaian seseorang pegawai dari segi potensi dan kompetensinya untuk menjawat jawatan dalam Skim Perkhidmatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G29.</p> <p>2) Untuk menguji kemahiran seseorang pegawai berdasarkan kepada pengalaman dalam tugas-tugas harian.</p>
5.	Tujuan Peperiksaan	:	Untuk memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat kelayakan masuk ke Skim Perkhidmatan Penolong Pemelihara Hutan Gred G29 melalui Peningkatan Secara Lantikan.
6.	Pegawai yang Layak Menduduki Peperiksaan	:	<p>1) Pengawas Hutan Gred G19/20, G22, G26 atau G28 yang telah disahkan dalam perkhidmatan;</p> <p>2) telah berada di Skim Perkhidmatan Pengawas Hutan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun; dan</p> <p>3) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan.</p>
7.	Sukatan Peperiksaan	:	
	<b>BAHAGIAN I</b>	:	<p><b>BAHAGIAN I - HAL EHWAL PERHUTANAN (TEORI)</b></p> <p><b>DASAR DAN PERUNDANGAN</b></p> <p>Soalan-soalan yang akan dikemukakan adalah berdasarkan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan Akta-akta, Enakmen-enakmen, Ordinan-ordinan, Kaedah-kaedah dan Prosedur-prosedur yang berkaitan dengan perhutanan :</p> <p>a) Perlembangan Persekutuan;</p>

		<p>b) Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992);</p> <p>c) Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025;</p> <p>d) Dasar Perubahan Iklim Negara;</p> <p>e) Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313);</p> <p>f) Enakmen Industri Berasas Kayu 1986;</p> <p>g) Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56);</p> <p>h) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716);</p> <p>i) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127);</p> <p>j) Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 (Akta 686);</p> <p>k) Akta Orang Asli 1954 (Akta 134 );</p> <p>l) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514);</p> <p>m) Akta Air 1920 (Akta 418);</p> <p>n) Akta Racun Makhluk Perosak 1974 (Akta 149);</p> <p>o) Kaedah-kaedah Hutan Negeri;</p> <p>p) Kaedah-kaedah Industri Berasas Kayu; dan</p> <p>q) Pekeliling-pekeling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.</p> <p><u>Soalan:</u> Jawab <b>lima (5)</b> daripada <b>lapan (8)</b> soalan esei.</p> <p><u>Masa:</u> 3 jam.</p> <p><u>Markah:</u> 100 markah</p> <p>Calon-calon <b>DIBENARKAN</b> merujuk mana-mana bahan <b>RUJUKAN</b> (seperti yang dinyatakan di bawah) semasa peperiksaan.</p>
	<p><b>BAHAGIAN II</b></p>	<p><b>:</b> <b>BAHAGIAN II – HAL EHWAL PERHUTANAN (TEORI)</b></p> <p><b>PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN</b></p> <p>Soalan yang akan dikemukakan adalah seperti berikut :</p> <p>(i) Pentadbiran Perhutanan;</p> <p>a) Perspektif Jabatan</p> <p>b) Organisasi Jabatan</p> <p>c) Pentadbiran peringkat ibu pejabat, negeri, daerah dan renj. hutan</p> <p>d) Pengurusan pejabat</p>



			<ul style="list-style-type: none"> <li>(ii) Pengurusan Hutan Asli; <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pengurusan Hutan Secara Berkekalan</li> <li>b) Pengurusan Hutan Darat</li> <li>c) Pengurusan Hutan Paya Gambut</li> <li>d) Pengurusan Hutan Paya Laut</li> </ul> </li> <li>(iii) Pengusahaan Hutan; <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pengusahaan dalam Hutan Darat</li> <li>b) Pengusahaan dalam Hutan Paya Gambut</li> <li>c) Pengusahaan dalam Hutan Paya Laut</li> </ul> </li> <li>(iv) Pemantauan dan Penguatkuasaan;</li> <li>(v) Kutipan Hasil; <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Jenis hasil</li> <li>b) Pengurusan dan Pentadbiran Balai Pemeriksaan Hutan</li> <li>c) Pengendalian akaun dan lejar</li> </ul> </li> <li>(vi) Silvikultur Hutan Asli; <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Silvikultur Hutan Darat</li> <li>b) Silvikultur Hutan Paya Gambut</li> <li>c) Silvikultur Hutan Paya Laut</li> <li>d) Perolehan Bahan Tanaman dan Pengurusan Tapak Semaian</li> <li>e) Tanaman Sumber Hutan Bukan Kayu</li> </ul> </li> <li>(vii) Pemeliharaan dan pemuliharaan hutan; <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pengurusan dan Pemeliharaan Kepelbagaian Biologi</li> <li>b) Penubuhan dan Penyelenggaraan Petak Kajian</li> <li>c) Restorasi, tebus guna dan pemulihan kawasan hutan terosot dan tanaman pesisiran pantai</li> </ul> </li> <li>(viii) Pensijilan Pengurusan Hutan; <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pensijilan dibawah Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pensijilan Pengurusan Hutan (MC&amp;I)</li> <li>b) Pensijilan ISO</li> <li>c) Pensijilan lain berkaitan seperti MyTLAS</li> </ul> </li> <li>(ix) Ladang Hutan; <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Penubuhan Ladang Hutan</li> <li>b) Rawatan dan Perlindungan Ladang Hutan</li> <li>c) Pengusahaan Ladang Hutan</li> </ul> </li> </ul>
--	--	--	--

			<p>(x) Penubuhan, Pengurusan dan Penyelenggaraan Taman Eko-Rimba dan Hutan Taman Negeri;</p> <p>(xi) Industri Berasas Kayu; dan</p> <p>(xii) Isu-isu Perhutanan  a) Isu perhutanan global  b) Isu perhutanan nasional</p> <p><u>Soalan:</u>  Jawab <b>lima (5)</b> daripada <b>lapan (8)</b> soalan esei.</p> <p><u>Masa:</u>  3 jam.</p> <p><u>Markah:</u>  100 markah</p> <p>Calon-calon <b>TIDAK DIBENARKAN</b> merujuk mana-mana bahan <b>RUJUKAN</b> semasa peperiksaan.</p>
	<b>BAHAGIAN III (AMALI- PENGECAMAN POKOK)</b>	:	<p><b>BAHAGIAN III - PENGECAMAN POKOK (AMALI)</b>  Jumlah sampel : 50 unit  Masa: 50 minit  Markah: 100</p> <p>Senarai Spesies bagi Pengecaman Pokok seperti di dalam Panduan Kod Spesies Daftar Membanci Pemuliharaan 2015 Semenanjung Malaysia</p>
	<b>BAHAGIAN IV (AMALI- PENGECAMAN DAUN)</b>	:	<p><b>BAHAGIAN IV-PENGECAMAN DAUN (AMALI )</b>  <u>Jumlah sampel :</u>  50 unit</p> <p><u>Masa:</u>  50 minit</p> <p><u>Markah:</u>  100</p> <p>Senarai Spesies bagi Pengecaman Pokok seperti di dalam Panduan Kod Spesies Daftar Membanci Pemuliharaan 2015 Semenanjung Malaysia.</p>

	<p><b>BAHAGIAN V (AMALI – PENGECAMAN ISI KAYU)</b></p>	<p>:</p>	<p><b>BAHAGIAN V -PENGECAMAN ISI KAYU (AMALI)</b>  <u>Jumlah sampel:</u>  50 unit</p> <p><u>Masa:</u>  50 minit</p> <p><u>Markah:</u>  100</p> <p>Senarai Spesies bagi Pengecaman Isi Kayu seperti di <b>Lampiran A.</b></p>
	<p><b>BAHAGIAN VI (AMALI- PENYEDIAAN KERTAS KERJA)</b></p>	<p>:</p>	<p><b>BAHAGIAN VI – PENYEDIAAN KERTAS KERJA (AMALI)</b></p> <p><b>A-Penulisan Kertas Kerja</b></p> <p>Calon-calon dikehendaki menyediakan satu kertas kerja berkaitan dengan perhutanan yang ditetapkan berdasarkan skop berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pengurusan Hutan Secara Berkekalan;</li> <li>(ii) <i>Forest Beyond Timber</i>;</li> <li>(iii) Pensijilan Pengurusan Hutan;</li> <li>(iv) Perhutanan Sosial;</li> <li>(v) Eko-pelancongan hutan;</li> <li>(vi) Pemeliharaan Hutan;</li> <li>(vii) Pemuliharaan Hutan;</li> <li>(viii) Perladangan Hutan;</li> <li>(ix) Pengusahasilan Hutan;</li> <li>(x) Penguatkuasaan Hutan;</li> <li>(xi) Perundangan dan Pendakwaan Hutan;</li> <li>(xii) Perindustrian Hutan;</li> <li>(xiii) Inovasi Perhutanan;</li> <li>(xiv) Kajian Perhutanan;</li> <li>(xv) Isu dan Cabaran Perhutanan;</li> <li>(xvi) Kejuruteraan Hutan;</li> <li>(xvii) Teknologi Maklumat Perhutanan;</li> <li>(xviii) Pengembangan Perhutanan; dan</li> <li>(xix) Ekonomi Hutan.</li> </ul> <p>Masa untuk menyiapkan kertas kerja adalah <b>14 hari</b> dari tarikh penyerahan tajuk kertas kerja berkenaan.</p> <p>Markah : 60 markah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Format Kertas Kerja adalah seperti di <b>Lampiran B.</b></li> </ul>

			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isi Kandungan Kertas Kerja adalah seperti di <b>Lampiran C.</b></li> <li>• Skema Pemarkahan adalah seperti di <b>Lampiran D.</b></li> </ul> <p><b>B-Pembentangan Kertas Kerja</b></p> <p>Calon dikehendaki membentangkan Kertas Kerja yang telah disediakan kepada Panel.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tempoh pembentangan: 30 minit termasuk Sesi Soal Jawab.</li> <li>• Markah: 40 markah.</li> <li>• Skema Pemarkahan adalah seperti di Lampiran E.</li> </ul>
8.	KEPUTUSAN	:	<b>LULUS atau GAGAL</b>
9.	PENGECUALIAN	:	Calon yang lulus mana-mana bahagian adalah <b>dikecualikan daripada mengambil bahagian tersebut sekali lagi.</b> Walau bagaimanapun, calon perlu <b>lulus semua bahagian dalam tempoh tiga (3) tahun dari tahun peperiksaan pertama.</b>
10.	PEMERIKSAAN AKAN DILANTIK OLEH	:	Panel Peperiksaan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.
11.	BAHASA (SOALAN DAN JAWAPAN)	:	Bahasa Melayu
12.	KAEDAH PERMOHONAN	:	Permohonan melalui atas talian <b><a href="http://smlp.forestry.gov.my/smlp/">smlp.forestry.gov.my/smlp/</a></b>
13.	PUSAT PEPERIKSAAAN AKAN DITETAPKAN OLEH	:	Urus Setia Peperiksaan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.
14.	TARIKH AKHIR MENGEMUKAKAN PERMOHONAN	:	<b>Empat (4) minggu</b> sebelum tarikh peperiksaan.
15.	KEKERAPAN PEPERIKSAAN	:	<b>Sekali setahun</b>

16.	RUJUKAN	:	<p><b>BAHAGIAN I</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Perlembangan Persekutuan;</li> <li>b) Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992);</li> <li>c) Akta Orang Asli 1954;</li> <li>d) Akta Pekerjaan 1955;</li> <li>e) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969;</li> <li>f) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974;</li> <li>g) Akta Kilang dan Jentera 1967;</li> <li>h) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999;</li> <li>i) Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008;</li> <li>j) Akta Pemuliharaan Tanah 1960;</li> <li>k) Akta Perhutanan Negara 1984;</li> <li>l) Akta Industri Berasas Kayu 1985</li> <li>m) Kanun Tanah Negara 1965;</li> <li>n) Akta Taman Negara 1980;</li> <li>o) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994;</li> <li>p) Akta Racun Makhluk Perosak 1974;</li> <li>q) Akta Kesatuan Sekerja 1959;</li> <li>r) Akta Air 1920;</li> <li>s) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010; dan</li> <li>t) Pekeliling-pekeliiling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.</li> </ul> <p><b>BAHAGIAN II</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Manual Perhutanan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, 2003;</li> <li>b) Dokumen MC&amp;I (Hutan Asli) dan MC&amp;I (Ladang Hutan);</li> <li>c) Garis Panduan Jalan Hutan, 2010 (Pindaan 2013);</li> <li>d) Panduan <i>Reduce Impact Logging</i> (RIL);</li> <li>e) Pekeliling-pekeliiling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia;</li> <li>f) Kod Amalan Pengusahaan Hutan Paya Laut Semenanjung Malaysia, 1997;</li> <li>g) Kod Amalan Pengusahaan Hutan Darat Asli Semenanjung Malaysia, 1997;</li> <li>h) Akta Perhutanan Negara, 1984 (Pindaan 1993);</li> <li>i) Kaedah-kaedah Hutan, 1986;</li> <li>j) Enakmen Industri Berasas Kayu, 1985;</li> <li>k) Kaedah-kaedah Industri Berasas Kayu, 1986; dan</li> </ul>
-----	---------	---	--

		<b>BAHAGIAN III, IV dan V</b>  a) Panduan Kod Spesies Daftar Membanci Pemulihan 2015 Semenanjung Malaysia b) Spesies Dipterokarpa Terancam di Semenanjung Malaysia by L.S.L. Chua, M.Suhaida & B. Aslina c) Sampel Kayu FRIM.
--	--	---

## LAMPIRAN A

## SENARAI SPESIES BAGI PENGECAMAN ISI KAYU

Bil	Nama tempatan	Kumpulan Kayu
1.	Balau	Kayu Keras Berat
2.	Bitis	
3.	Chengal	
4.	Giam	
5.	Kekatong	
6.	Keranji	
7.	Leban	
8.	Meranti merah tua	
9.	Merbau	
10.	Resak	
11.	Tembusu	
12.	Buey	Kayu keras sederhana
13.	Kasai	
14.	Durian	
15.	Kapur	
16.	Kelat	
17.	Kempas	
18.	Keruing	
19.	Kulim	
20.	Mata ulat	
21.	Mempening	
22.	Meranti merah muda	
23.	Merpauh	

24.	Nyatoh	
25.	Pauh kijang	
26.	Punah	
27.	Rengas	
28.	Simpoh	
29.	Tualang	
30.	Berangan	Kayu keras ringan
31.	Bintangor	
32.	Durian	
33.	Jelutong	
34.	Kembang semangkok	
35.	Kungkur	
36.	Mempisang	
37.	Meranti putih	
38.	Mersawa	
39.	Penarahan	
40.	Perupok	
41.	Petai	
42.	Ramin	
43.	Sepetir	
44.	Surian	
45.	Akasia	Kayu eksotik
46.	Jati	
47.	Kayu getah	
48.	Mahogany	
49.	Damar minyak	Kayu lembut
50.	Podo	



## FORMAT PENULISAN KERTAS KERJA

BIL.	PERKARA	KETERANGAN
1.	Panjang	Kertas Kerja seboleh-bolehnya tidak kurang dari 10 muka surat tetapi tidak melebihi 20 muka surat termasuk senarai rujukan, rajah, gambar dan jadual kecuali lampiran.
2.	Margin	Kertas kerja perlu mengikut margin: 1.5 inci (kiri) dan 1 inci (atas, kanan dan bawah).
3.	Tajuk	Tajuk mesti ditulis dengan huruf besar bagi setiap perkataan, tulisan bersaiz 14 dengan gaya "Arial".
4.	Teks	Tulisan bersaiz 12 dengan gaya "Arial", ditulis dengan langkau satu (1) dan dilaras <i>justify</i> . Teks perlu ditulis sepenuhnya dalam Bahasa Melayu.
5.	Sub-Tajuk	Sub-tajuk mesti ditulis dengan huruf besar dan dilaras ke kiri. Biarkan satu langkau sebelum dan selepas sub-tajuk untuk memulakan perenggan.
6.	Rajah/ Gambar/ Jadual	Tajuk rajah dan gambar diletak di bawah rajah dan gambar manakala tajuk jadual diletak di atas jadual. Perkataan rajah, jadual atau gambar adalah berhuruf besar dan menggunakan penomboran. Tajuk rajah, gambar atau jadual hendaklah ditulis dalam huruf kecil. Contoh: i. RAJAH 1: Pelan kawasan Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung Malaysia. ii. GAMBAR 1: Dirian hutan spesies Kapur di Hutan Simpan Templer, Rawang, Selangor. iii. JADUAL 1: Keluasan kawasan Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung Malaysia mengikut negeri.
7.	Rujukan	Rujukan yang lengkap disenaraikan selepas penutup dan disusun mengikut turutan huruf nama pengarang. Hanya rujukan yang dirujuk di dalam teks sahaja perlu disenaraikan.

**ISI KANDUNGAN KERTAS KERJA:**

- 1. PENGENALAN**
- 2. PENULISAN DAN PENYELIDIKAN BERKAITAN**
- 3. DAPATAN KAJIAN**
- 4. KESIMPULAN**
- 5. RUJUKAN**

**LAMPIRAN D****SKEMA PEMARKAHAN KERTAS KERJA**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MARKAH</b>
1.	Pendahuluan	5
2.	Huraian/ Isi	40
3.	Rajah/ Gambar/ Jadual	5
4.	Kesimpulan	5
5.	Rujukan	3
6.	Kekemasan Fizikal Kertas Kerja	2
	<b>JUMLAH</b>	<b>60</b>

## SKEMA PEMARKAHAN PEMBENTANGAN

BIL.	PERKARA	MARKAH
1.	Gaya Persembahan - Pendahuluan - Intonasi suara - Keyakinan diri - Kreativiti - Penutup	3 5 5 5 2
2.	Kupasan tajuk	10
3.	Kefahaman tajuk	10
	<b>JUMLAH</b>	<b>40</b>